


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 JUN 2018
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	MASYARAKAT DIMINTA SANTUNI GOLONGAN MEMERLUKAN	2
UTUSAN MALAYSIA	ANAK YATIM PIATU RINDU MASAKAN IBU	3
UTUSAN MALAYSIA	PASTA CHEF FAKRI JADI REBUTAN DI SERI ALAM	4
HARIAN METRO	TUNTUT PULAU BATU PUTIH	5
HARIAN METRO	MAUT DILENYEK	6
HARIAN METRO	RAMPAS ROKOK SELUDUP RM6j	7
THE STAR	JOHOR'S KHALED GOING FOR UMNO VEEP POST	8



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN 5/6/2018

Masyarakat diminta santuni golongan memerlukan

JOHOR BAHRU 4 Jun - Masyarakat diminta bersama-sama menyantuni golongan yang memerlukan, khususnya anak yatim dan fakir miskin di kawasan kediaman mereka.

Setiausaha Koperasi Kampung Jawi Johor Bahru Berhad (Kojawi), Mohd. Nazri Mohd. Yusof berkata, inisiatif semikian amat digalakkan khususnya sempena bulan Ramadan.

"Masyarakat setempat haruslah membuka mata dengan persekitaran mereka, sekiranya terdapat golongan memerlukan dan kurang berasib baik, kita seharusnya tampil menghulurkan bantuan."

"Harapan kami supaya usaha seperti ini diperluas bagi membantu meringankan bebanan golongan kurang berasib baik," katanya dalam program membeli-belah bersama-sama 40 anak yatim dan keluarga berpendapatan rendah di Pasaraya Mydin Taman Rinting, dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengurus Kojawi, S. Mohd. Rafi Syed Zainal; Bendahari



MOHD. NAZRI MOHD. YUSOF (kiri) membantu sebahagian kanak-kanak membeli pakaian di Gedung Mydin di Taman Rinting, Johor Bahru, baru-baru ini.

Kojawi, Zaini Hussin dan Pengurus Biro Kebajikan Kojawi, Mohd. Husaini Jufrrin.

Dalam program tersebut, semua penerima yang berusia antara tujuh hingga 15 tahun menerima sepasang pakaian baharu sempena Hari Raya Aidilfitri bernilai RM150 setiap seorang dan duit raya.

Mohd. Nazri berkata, program tang-

gungjawab sosial tersebut merupakan kali keempat yang dianjurkan pihaknya, namun kali pertama melibatkan sumbang pakaian sempena Aidilfitri.

"Kami juga akan mengadakan jamuan Aidilfitri untuk meraikan lebih ramai individu yang kurang berkemampuan," katanya.



UTUSAN MALAYSIA



MOHAMED NORAZAM MOKHTAR (kanan) memakaikan baju raya kepada salah seorang anak yatim, Razin Najwan Sulaiman di AEON Permas Jaya, Pasir Gudang Johor, baru-baru ini.

Anak yatim piatu rindu masakan ibu

PASIR GUDANG 4 Jun - Setiap kali melihat juadah ayam masak rendang, fikiran Razin Najwan Sulaiman melayang seketika teringatkan ibunya yang sudah meninggal dunia dua tahun lalu.

Itu lauk kegemaran Razin Najwan, 11, dan ibunya tidak pernah menghamparkan setiap kali dia meminta dimasak juadah tersebut pada setiap pagi Hari Raya Aidilfitri.

Kini semuanya sudah berlalu dan anak bongsu daripada tiga beradik itu tetap menggemari ayam rendang, walaupun tidak sesedap masakan daripada air tangan ibunya.

"Saya amat rindukan ibu saya yang telah meninggal dunia pada 26 Disember 2016 akibat kanser usus. Sebelum itu ayah pergi meninggalkan kami bertiga semasa saya berumur 6 tahun."


"Tahun ini saya berhari raya dengan anak-anak yatim lain

dan gembira kerana sudah mempunyai pakaian baharu untuk Aidilfitri," ujar anak yatim piatu itu ketika ditemui semalam.

Razin Najwan merupakan seorang daripada 40 penghuni Rumah Anak-anak Yatim Barkat Johor Bahru yang diberikan duit raya dan dibekalkan kelengkapan pakaian Hari Raya Aidilfitri oleh pihak Kerry Plentong di pusat beli-belah AEON Permas di sini.

Sumbangan tersebut adalah usaha pihak kelab Sport Welfare & Recreation Chb (SWRC) dengan kerjasama Kerry Plentong untuk program Jalinan Kasih Anak-anak Yatim Rumah Berkat.

Yang turut hadir Pengerusi SWRC, Mohamed Norazam Mokhtar; Pegawai Pendidikan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor Bahru, Siti Rohayu Sulong dan Ketua Pengurus Kerry Plentong, Chong Tin Yung.



UTUSAN MALAYSIA

Pasta Chef Fakri jadi rebutan di Seri Alam

JUADAH
RAMADAN

JOHOR BAHRU 4 Jun - Pengalaman lebih 15 tahun sebagai chef di Singapura digunakan dengan sebaiknya seorang pengusaha gerai makanan barat di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang bagi menyajikan lebih 12 jenis pasta istimewa kepada pelanggannya.

Berkonsepkan gerai jalanan, Pasta & Bite's Station memberi peluang kepada orang ramai untuk merasai pelbagai jenis pasta pada harga berpatutan.

Mohd. Fakri Alias, 35, mengakui hidangan kegemaran ramai pelanggannya adalah pasta ketam bercili dan udang bercili.

"Hidangan ini merupakan hasil olahan saya menggunakan isi ketam dan udang segar, iaitu tidak seperti hidangan di tempat lain yang menggunakan isi ketam yang telah siap diproses.

"Selain itu, hidangan lain seperti pasta bebola daging juga dibuat sendiri bagi menghasilkan keaslian rasanya supaya pembeli berpuas hati," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini baru-baru ini.

Dia juga sering bereksperimentasi dengan pelbagai menu masakan barat lain dan menukar menu beberapa bulan sekali bagi memastikan pengunjung merasai kelainan dan keistimewaan hi-



MOHD. FAKRI ALIAS (dua dari kiri) bersama pekerjaannya menunjukkan antara hidangan pasta istimewa di Bite Station, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

dangan yang dijual.


Sejak dibuka dua tahun lalu, Mohd. Fakri memberitahu, gerainya yang berkonsepkan santai sering menjadi pilihan para pengunjung bukan hanya di sekitar Bandar Seri Alam, malah dari daerah lain serta warga Singapura.

"Alhamdulillah, sambutan daripada pengunjung amat baik, malah sejak gerai saya tular dalam media sosial, semakin ramai pengunjung yang ingin merasai

hidangan di sini yang dijual pada harga antara serendah RM5 hingga RM18

"Kami juga menerima tempahan secara berkumpulan bermula dari 18 hingga 26 orang pada satu-satu masa serta menyediakan khidmat penghantaran di kawasan sekitar serta Pasir Gudang," katanya.

Jadi, jika ingin mencari kelainan juadah untuk berbuka puasa, mungkin Pasta & Bite's Station lokasi yang harus dikunjungi.



HARIAN METRO

Johor Bahru

HM 5/6/18

Tuntut Pulau Batu Putih

Kerajaan Malaysia diminta supaya dapat meneruskan rayuan kes Pulau Batu Putih di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).


Ahli Parlimen Pasir Gudang Hassan Abdul Karim yang juga Pengurus Parti Keadilan Rakyat (PKR) Johor berkata, pada pandangannya keputusan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed baru-baru ini menarik balik rayuan itu adalah satu kesilapan besar.

"Perbicaraan rayuan

kes berkenaan perlu diteruskan kerana kini terdapat bukti baru.

"Saya berpandangan bahawa isu kedaulatan negara seperti dalam kes Pulau Batu Putih tidak boleh dipandang ringan, jauh sekali untuk dikompromi," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik dalam laman rasmi Facebooknya.

Hassan berkata, Pulau Batu Putih adalah sebahagian daripada Johor dan Malaysia yang merdeka dan berdaulat.



HARIAN METRO

H/M 5/6/18

HARIAN METRO

Mohd Sabran Md Sani
sab@NSTP.COM.MY

Pasir Gudang

Seorang pekerja kontrak warga Bangladesh maut selepas digilis jentera menurap jalan dalam kejadian berdekatan jambatan Plentong di sini, semalam.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang Pegawai Bomba Kanan II Sharol Suboh berkata, mangsa berusia 20-an meninggal dunia di tempat kejadian akibat digilis jentera berat itu.

Menurutnya, sebuah jentera bersama lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang dikeharkan ke lokasi sejurus menerima panggilan pada jam 11.49 pagi.

"Berdasarkan maklumat,

FAKTA
Mangsa dilanggar ketika kawal lalu lintas



JENTERA turap jalan yang melanggar mangsa di tempat kejadian.

Maut dilenyek

■ Pekerja kontrak digilis jentera turap jalan

kejadian membabitkan sebuah jentera menurap jalan yang melanggar mangsa ketika lelaki berkenaan mengawal lalu lintas.


"Kami difahamkan, mangsa tersebut di bahagian

bawah sebelum pemandu jentera berkenaan mengundurkan kenderaan berat itu.

"Kami dapat, mangsa seorang pekerja kontrak di tempat kejadian dan parah di kepala dan badan akibat

kejadian berkenaan," katanya.

Berikut itu, katanya, mangsa diserahkan kepada polis untuk tindakan seterusnya manakala operasi tamat pada jam 1.06 petang.



HARIAN METRO

Hlm 516/18

FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN.



Rampas rokok seludup RM6j

ZULKIFLI (kiri) menunjukkan rampasan penyeludupan rokok seludup, semalam.

■ Polis marin tahan dua lori dalam serbuan berasingan sita 1065 kotak

Rizalman Hammim
rizalman@mst.com.my

Johor Bahru

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Johor merampas rokok seludup bernilai hampir RM6 juta selepas menahan dua lori di Pontian dan Pasir Golang di sini, bulan lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ke-tenteraman Awam Bukit

Aman Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, lori itu ditahan pada 22 Mei lalu berdasarkan maklumat yang diterima.

Menurutnya, lori pertama ditahan di Ayer Baloi, Pontian pada jam 4.30 pagi dan hasil pemeriksaan mendapat kenderaan berat itu membawa 550 kotak rokok seludup bernilai RM3 juta.

"Dalam pemeriksaan itu, kami juga menahan dua suspek di tempat kejadian.


"Lori kedua pula ditahan di

Lebuhraya Pasir Gudang di sini, jam 5 pagi pada hari sama dan menemui 515 kotak rokok putih selain menerima seorang lelaki," katanya.

Zulkifli berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kasihan 1967.

"Kami dalam proses menganal pasti dan mencari ahli kumpulan kepada suspek ini terutama ketua kumpulan yang dipercayai warga tempatan," katanya.

Menurutnya, PPM akan terus menjalankan tugas mencegah penyeludupan dan kegiatan jenayah lain di perairan Malaysia.



THE STAR



Taking the plunge: Khaled showing his nomination form after confirming his intention to contest the Umno vice-president post.

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Johor Umno liaison chairman Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin will be contesting the party's vice-president post in its elections on June 30.

The former mentri besar said he is contesting to ensure Umno regains support from the Malays and the people.

"I'm offering my candidacy as an alternative for the party members to choose from."

"I hope party members will be able to judge the candidates based on their own strengths as each of the candidates have their respective advantage," he said here yesterday.


Mohamed Khaled will go against Umno Youth chief Khairy

Jamaluddin and three supreme council members – Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman and Datuk Seri Mahdzir Khalid – for the three vice-president posts.

He added that his decision to contest is to demonstrate to the people that there are many Umno leaders and members like him who still uphold the party's struggles and are willing to serve the country.

"I believe that my candidacy will give an opportunity for party members to choose the best and those who can contribute to make Umno strong again," he added.

Mohamed Khaled, who is the Pasir Gudang division chief, said Umno should be a progressive party and not be bogged down by the old ways.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

07 JUN 2018
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	'IBU BILA NAK BELI BAJU RAYA KAMI'	2



HARIAN METRO

Johor Bahru "Ibu bila nak beli baju raya kami?" itulah persoalan empat daripada tujuh beradik di Kampung Sungai Rinting, Masai di sini, yang teringin meraikan Aidilfitri dalam keadaan selesa seperti kanak-kanak lain.

Namun, apalah daya kudrat ibu bapa mereka yang juga golongan berpendapatan rendah bagi memenuhi permintaan mereka sejak tiga tahun lalu.

Ibu kepada tujuh cahaya mata, Hairani Adam, 31, berkata, dia memahami keluhan anaknya yang meraikan Aidilfitri dalam keadaan serba kekurangan.

Bagaimanapun, katanya, dia dan suami tidak berkemampuan memenuhi permintaan mereka berikutan keadaan kewangan keluarga.

Katanya, suaminya, Hairi Samsudin, 37, menyara keluarga termasuk tujuh anak berusia enam bulan hingga 11 tahun dengan pendapatan RM1,200 sebulan.

"Suami saya pekerja kontrak dan tiada pendapatan tetap. Sejak tiga tahun lalu, kami meraikan Aidilfitri dalam keadaan seumpama ini."

"Anak terutama yang berusia lima hingga 11 tahun

'Ibu bila nak beli baju raya kami?'

METRO
7/6/2018



Pengurus Operasi Pasaraya Econsave Cash And Carry Wilayah Selatan Mas Imran Adam menyampaikan sumbangan barang keperluan kepada Hairani yang tinggal di rumah usang di Kampung Sungai Rinting di Masai.

memang meminta kami membeli baju Raya namun kami tak mampu dan hampir setiap tahun memujuk mereka menggunakan baju lama," katanya.

Hairani berkata, anaknya juga berasa rendah diri setiap tahun kerana terpaksa memakai baju lama berbanding anak jiran dan kenalan yang berpeluang


memakai pakaian baru. "Pada tahun ini keadaan masih sama kerana kami masih belum membeli-belah dan jika ada rezeki akan memenuhi permintaan mereka bagi memiliki sekurang-kurangnya sepasang baju Raya," katanya ditemui semalam.

Berkongsi menu sepanjang Ramadan, Hairani berkata, ia tiada beza berbanding hari

biasa kerana menu tetap keluarganya adalah telur goreng, kicap, mi segera dan nasi goreng.

"Kami bersyukur dan reda dengan dugaan Allah SWT," katanya.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan kepada keluarga Hairani menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) 0113741000055707.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

11 JUN 2018
ISNNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	KEPUTUSAN HISHAMUDDIN PERLU DIHORMATI	2



SINAR HARIAN

SINAR
11/6/2018

Keputusan Hishammuddin perlu dihormati

PASIR GUDANG - Keputusan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein untuk tidak bertanding sebarang jawatan di peringkat pusat bagi sesi pemilihan kali ini, sangat memerlukan dan mendukacitakan.

Pengerusi Umno Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bagaimanapun, keputusan Hishammuddin yang bertindak sedemikian kerana ingin mengambil tanggungjawab di atas kekalahan BN di semua peringkat terpaksa dihormati.

Menurutnya, malah Umno Johor juga menghormati keputusan Hishammuddin untuk menumpukan kepada kedudukannya di peringkat bahagian sahaja.

"Jadi Umno Johor kita menghormati pendirian yang telah dibuat, tapi pada masa sama kita mengalu-alukan dan gembira kerana bukan niat beliau untuk meninggalkan parti.


"Masih lagi ada bersama kita di Johor kerana beliau masih lagi akan menjadi Ketua Umno Bahagian Sembrong," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai keputusan Hishammuddin yang enggan bertanding sebarang jawatan tertinggi pada pemilihan akan datang.

Beliau ditemui media ketika hadir ke program penyampaian sumbangan kepada asnaf di Rumah Pangsa Seri Alam Tasék 64, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, keputusan Hishammuddin akan membolehkan Naib Presiden Umno itu banyak peluang dan masa untuk memberi sumbangan dalam usaha memulihkan dan menguatkan parti khususnya di negeri ini.

Pada Jumaat lalu, Hishammuddin mengumumkan untuk tidak bertanding sebarang jawatan di peringkat pusat bagi sesi pemilihan kali ini.

Beliau akui sedar dan insaf dengan keputusan PRU14 yang memberi isyarat jelas bahawa parti tersebut memerlukan suatu perubahan pendekatan secara total.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

18 JUN 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	MURID SJKT MASAI HARUMKAN NAMA NEGARA	2



BERITA HARIAN

Murid SJKT Masai harumkan nama negara

[FOTO IHSAN SJKT MASAI]



Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Masai muncul pemenang tempat ketiga Pertandingan Drama Bahasa Inggeris Antarabangsa di Hong Kong baru-baru ini.

18/6/18
BH.

Johor Bahru: Seramai 11 murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Masai menang tempat ketiga Pertandingan Drama Bahasa Inggeris Antarabangsa di Hong Kong, baru-baru ini.

Pelatih kumpulan daripada Jabatan Kebudayaan Negeri Johor (JKKN), Othman Ahmad, berkata kumpulan murid berkenaan mempersembahkan kisah Ramayana bertajuk *Gold Man'* yang menerangkan elemen Jawa.

40 penyertaan

Menurutnya, pertandingan dianjurkan sebuah syarikat drama teater Inggeris di Hong Kong yang juga institusi mengajar pendidikan drama dalam pendidikan.

"Pertandingan diadakan di Kow Loon, Hong Kong pada 25 dan 26 Mei lalu itu turut menerima 40 penyertaan dari China, Macau, Taiwan, India dan beberapa negara lain selagi Malaysia," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Othman berkata, SJKT Masai ter-

pilih ke pusingan akhir pertandingan di Hong Kong selepas menghantar rakaman drama dalam format video kepada pengarjuran.

Pertandingan tiga kategori

Pada pusingan akhir, katanya, murid perlu mempersembahkan drama secara langsung selama 15 minit kepada juri dan penonton dalam pertandingan tiga kategori merangkumi tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah itu.

Katanya, kumpulan murid ditemani guru pembimbing, R Khasnuri dan beberapa guru SJKT Masai itu turut menerima anugerah kostum terbaik.

"Kemenangan itu adalah berkat latihan yang diadakan sejak Januari hingga Mei lalu, selain sokongan ibu bapa dan guru," katanya.

Menurutnya, Creative Primary School Hong Kong, muncul juara manakala St John The Baptist Catholic Primary School, Hong Kong menang tempat kedua.


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

20 JUN 2018
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	KERJA NAIK TARAF PERLU WAKTU SESUAI	2



UTUSAN MALAYSIA

Kerja naik taraf perlu waktu sesuai 20/6/18
utusan
malaysia

JOHOR BAHRU 19 Jun - Kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakan projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang daripada empat lorong kepada enam lorong digesa untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf pada waktu bersesuaian.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Mazlan Bujang berkata, langkah sedemikian penting bagi mengelakkan kesesakan khususnya ketika waktu puncak.

Katanya, pihak kontraktor perlu mengambil kira faktor berkenaan bagi memastikan kerja menaik taraf yang dilakukan tidak memberi kesan negatif kepada pengguna lebuh raya tersebut.

"Kontraktor diminta melakukan kerja menaik taraf lebuhraya pada masa bersesuaian seperti pada hujung minggu atau sebelah malam, khususnya bagi kerja yang menyebabkan dua lorong jalan ditutup.

"Kami faham langkah ini akan menyebabkan pertambahan kos seperti pemasanang lampu di sebelah malam, sekiranya perlu kos tambahan akan disediakan untuk menjalankan operasi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas menghadiri sesi taklimat Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang, di Seri Alam di sini Sabtu lalu.

Yang turut hadir, Pengarah Kerja Raya negeri, Ir. Mohamad Salleh Abu Bakar.

Sejak projek itu dimulakan

Kami akan terus memantau keadaan jalan raya yang berlubang di negeri ini bagi meningkatkan keselamatan pengguna di laluan terlibat kerana jalan berlubang boleh meningkatkan risiko kemalangan."


MAZLAN BUJANG

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan Johor

pada tahun 2012, Fasa 1 siap mengikut jadual, manakala Fasa 2A kini mencapai tahap 84 peratus siap dan dijadual akan siap menjelang September tahun ini.

Sementara itu, Mazlan turut memaklumkan komitmen kerajaan negeri untuk mengurangkan masalah jalan berlubang khususnya di laluan utama negeri ini.

"Kami akan terus memantau keadaan jalan raya yang berlubang di negeri ini bagi meningkatkan keselamatan pengguna di laluan terlibat kerana jalan berlubang boleh meningkatkan risiko kemalangan," ujarnya.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

21 JUN 2018
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	CADANG BINA DUA KLILANG DI PASIR GUDANG	2



SINAR HARIAN

Cadang bina dua kilang di Pasir Gudang

PASIR GUDANG - Adun Permas, Datuk Seri Che Zakaria Mohd Salleh cadang kerajaan negeri bina kilang pelupusan sampah dan kereta elektrik di Pasir Gudang.

Katanya, beliau akan mencari masa yang sesuai untuk membentangkan cadangan itu kepada Menteri Besar, Datuk Osman Sapian bagi mendapatkan kebenaran membangunkan kilang-kilang tersebut.

"Kilang pelupusan sampah yang kita cadangkan akan menggunakan pakai teknologi dari Finland manakala kilang kereta elektrik pula akan menggunakan teknologi hasil kerjasama daripada syarikat



CHE ZAKARIA

dari China dan Jepun.

"Kita tengah mencari kawasan yang sesuai untuk bina kilang kereta elektrik ini tetapi untuk kilang pelupusan sampah kita sudah ada kawa-

san yang kita rasa sesuai," katanya.

Menurutnya, kajian serta kertas kerja telah dibuat dan hanya menunggu masa yang sesuai untuk dibentangkan kepada Menteri Besar.


Beliau berkata, pembinaan kilang itu dijangka dapat memenuhi keperluan kerja penduduk yang bermastautin di Pasir Gudang, sekali gus kurangkan pengangguran di Johor.

"Pembinaan melihat beberapa contoh daripada negara luar bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk melaksanakan dan memastikan perkara ini sesuai dengan persekitaran Pasir Gudang.

"Ia secara tidak langsung akan menarik pelaburan baharu ke dalam kawasan kita, sekali gus memastikan penduduk yang tinggal di kawasan kita ini mempunyai pekerjaan dan sumber pencarian," katanya.

Jelasnya, permohonan pembinaan kilang itu telah dibuat pada tahun lepas tetapi tertangguh berikutan pertukaran kerajaan pada PRU14.

"Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan pastikan masyarakat yang menetap di kawasan ini mempunyai pekerjaan yang elok," katanya.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

22 JUN 2018
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	KAJI STATUS PROJEK TERTANGGUH	2
SINAR HARIAN	MPPG JANGKA KUTIPAN CUKAI MENINGKAT RM4 JUTA	3



HARIAN METRO

Johor Bahru

H/M 22/6/2018

Kaji status projek tertangguh

Status pembinaan Hospital Pasir Gudang yang tertangguh sejak lebih lima tahun lalu akan dikaji semula.

Ahli Parlimen Pasir Gudang Hassan Abdul Karim berkata, wujud kekeliruan apabila lawatan ke tapak hospital itu mendapati kerja pembinaan masih belum dilakukan.


“Bukan saja tiada kerja pembinaan malah papan tanda tidak menunjukkan nombor rekod pemberian kontrak, nama kontraktor dan butiran lain.

“Berikutan itu, saya akan meminta bantuan Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) berkaitan untuk bertanya di mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) berhubung pembinaan hospital ini.

“Pada masa sama, saya akan bertanya kepada menteri berkaitan mengenai bajet dan kontraktor yang dilantik,” katanya.

Hassan berkata, kira-kira 800,000 penduduk sekitar Pasir Gudang memerlukan hospital kerana Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) terpaksa merawat terlalu ramai pesakit.



SINAR HARIAN

SINAR
HARIAN
22/6/2018

MPPG jangka kutipan cukai meningkat RM4 juta

JOHOR BAHRU - Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) sasar raih peningkatan cukai sebanyak RM4 juta pada tahun ini.

Yang Dipertuaanya, Hasrin Kamal Hashim berkata, peningkatan babit hasil kutipan tahun lalu berjumlah RM156 juta kepada RM160 pada tahun ini.

Menurutnya, pihaknya yakin capai sasaran berkenaan berikutan pertambahan projek pembangunan baharu di kawasan pentadbiran MPPG.

"Projek-projek pembangunan yang sedang dibangunkan di kawasan ini termasuklah perumahan, perindustrian dan lot komersial yang baharu, sekali gus akan menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai bagi MPPG pada tahun ini," katanya *Sinar Harian*.

Hasrin Kamal berkata, sejumlah satu peratus daripada hasil kutipan cukai yang diperoleh MPPG akan disalurkan ke YAYasan Pasir Gudang.

"Pada tahun ini, sebanyak RM1.56 juta



HASRIN KAMAL


yang disalurkan menerusi yayasan berkenaan telah digunakan untuk pelbagai program kebajikan termasuklah sumbangan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Natal.

"Selain itu, ia turut digunakan untuk program lain seperti pusat tuisyen dan tambang bas percu ma," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, MPPG turut merekodkan sebanyak RM20 juta cukai taksiran tertinggal sehingga kini yang mana kebanyakannya melibatkan cukai pintu.

"Oleh itu, jawatankuasa pasukan khas yang ditubuhkan akan terus menjalankan operasi secara berterusan bagi mengesan pemilik harta di bawah kawasan pentadbirannya yang gagal membayar tunggakan cukai berkenaan," katanya.

Sila layari
sinarharian
.com.my




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 JUN 2018
ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	OSMAN:JOHOR READY TO REVIEW KUALA MASAI ISSUE	2
BERITA HARIAN	ORANG ASLI BERHAK DAPAT PAMPASAN	3
UTUSAN MALAYSIA	MPPG SASAR RM160 JUTA PENINGKATAN HASIL	4
UTUSAN MALAYSIA	HARAP PENERBANGAN ANTARABANGSA TIDAK DIBATALKAN	5



THE STAR

Osman: Johor ready to review Kuala Masai issue

THE STAR
25.6.18

JOHOR BARU: The state government is ready to assist Orang Asli residents from Kuala Masai here who are facing compensation issues over their land since 2010.

Johor Menteri Besar Datuk Osman Sapian said he was prepared to review the case, especially on compensation, so that the state government understood the actual situation.

He hoped to 'finetune' the matter and find out why the needs of the residents were not met, although the court had ordered compensation.

He was speaking after opening the annual general meeting of representatives of Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) today.


He said this in response to a newspaper report stating that 320 people were still waiting for compensation after being directed to move from Kampung Orang Asli Stulang Laut here to Kampung Orang Asli Kampung Masai in 1993.

The residents had earlier filed a lawsuit naming the Johor Land and Mines Department director and the Johor Baru City Council among the defendants.

In September 2010, they won the case at the Johor Baru High Court and the defendants had been instructed to grant the residents the right to their land in Kuala Masai, and to assess their land prices at Stulang Laut for compensation purposes.

However, it has yet to be done, the report said.

"This matter should not have happened because it involves the lower income group," said Osman, adding that he would review the matter and meet the residents if there was a need to seek their views. —Bernama



BERITA HARIAN

BH Isnin, 25 Jun 2018

Ms.67

BH 25/6/18

→ WILAYAH

ISU HAK TANAH KUALA MASAI

Orang Asli berhak dapat pampasan

→ MB Johor pelik kerajaan dahulu enggan patuh perintah mahkamah

Oleh Ibrahim Isa
Ibrahim@nsp.com.my

Johor Bahru

Kerajaan negeri hairan dengan tindakan kerajaan terdahulu yang enggan mematuhi perintah mahkamah supaya membayar ganti rugi dan manganugerahkan tanah di Kuala Masai kepada Orang Asli.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian, berkata kerajaan negeri seda membantu menyelesaikan masalah

lah ganti rugi membabitkan 70 keluarga Orang Asli berkenaan.

"Bagaimanapun, saya perlu mengakui kes ini terlebih dahulu kerana ia berlaku ketika pentadbiran kerajaan sebelum ini."

"Saya perlu tahu mengapa mereka (kerajaan negeri) tidak seleksaikan masalah ini sedangkan mahkamah sudah mengeluarkan perintah dan babitkan rakyat berpendapat rendah."

"Apa pun, saya perlu teliti kes ini dan jika perlu, berjumpa dengan komuniti berkenaan untuk mendapatkan kepastian," katanya selepas merasmikan mesyuarat tahunan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Bhd di sini, semalam.

Tunggu ganti rugi sejak 2010

Menurutnya, adalah tidak adil bagi kerajaan terdahulu untuk membiarkan kes ini berlutan terlalu lama kerana penduduk menunggu

ganti rugi sejak 2010.

Katanya, kes ini membabitkan kebajikan rakyat dan kebanyakan Orang Asli terbabit bekerja sebagai nelayan.

Difahamkan sebanyak 70 keluarga membabitkan 320 penduduk masih menunggu kerajaan negeri membayar ganti rugi selepas tanah mereka di Stulang Laut dibangunkan.


Pada masa sama, mereka masih menunggu kerajaan negeri menyerahturunkan hak milik tanah di Kuala Masai kepada mereka.

Pada September 2010, penduduk menang dalam saman di Mahkamah Tinggi Johor Bahru.

Tiga defendan, Pengarah Tanah dan Cawan Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) diperintahkan menilai harga tanah di Stulang Laut dan membayar ganti rugi, selain memberikan hak tanah di Kuala Masai.



Osmam menyerahtakan geran tanah kurnia kepada sebahagian penerima selepas merasmikan mesyuarat tahunan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Bhd, di Johor Bahru, semalam.



UTUSAN MALAYSIA

UM 25.6.2018

MPPG sasar RM160 juta peningkatan hasil

Oleh AZIZI MAJID

(pengarang@utusan.com.my)

JOHOR BAHRU 24 Jun - Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) menyasarkan peningkatan hasil kutipan cukai sebanyak RM160 juta pada tahun ini berbanding RM156 juta yang diperoleh sepanjang tahun lalu.

Yang Dipertua, Hasrin Kamal Hashim berkata, peningkatan hasil kutipan cukai itu mampu diperoleh berdasarkan pertambahan projek pembangunan baharu di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan berkenaan.

"Projek-projek pembangunan yang sedang dibangunkan di kawasan ini termasuklah perumahan, perindustrian dan lot komersial yang baharu.

"Ini sekali gus akan menyumb-



Peningkatan hasil kutipan cukai itu mampu diperoleh berdasarkan pertambahan projek pembangunan baharu di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan berkenaan."

HASRIN KAMAL HASHIM
Yang Dipertua MPPG

bang kepada peningkatan kutipan cukai bagi MPPG pada tahun ini," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Hasrin Kamal berkata, satu peratus daripada hasil kutipan

cukai yang diperoleh MPPG akan disalurkan ke Yayasan Pasir Gudang.

"Pada tahun ini, sebanyak RM1.56 juta yang disalurkan melalui yayasan berkenaan telah

digunakan untuk sumbangan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Natal.

"Selain itu, dana berkenaan turut digunakan untuk program lain seperti pusat tuisyen percuma dan tambang bas percuma," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, MPPG merekodkan sebanyak RM20 juta cukai taksiran tertunggak sehingga kini di mana kebanyakannya melibatkan tunggakan cukai pintu.

Justeru, pihaknya menerusi Jawatankuasa Pasukan Khas yang ditubuhkan akan terus menjalankan operasi secara berterusan bagi mengesas pemilik harta di bawah kawasan pentadbirannya yang gagal membayar tunggakan cukai berkenaan.



UTUSAN MALAYSIA

Harap penerbangan antarabangsa tidak dibatalkan

um 25/6/2018

JOHOR BAHRU 24 Jun - Kerajaan negeri berharap penerbangan antarabangsa dari ibu negeri ke beberapa negara tidak dibatalkan sebaliknya menambah lokasi penerbangan dengan tujuan meningkatkan jumlah kemasukan pelancong ke Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan negeri, Liow Cai Tung berkata, usaha semua pihak termasuk syarikat-syarikat penerbangan diperlukan untuk memastikan penerbangan antarabangsa sedia ada tidak dihentikan.

"Usaha ini juga penting untuk meningkatkan keyakinan pelancong dengan penerbangan yang ditawarkan ke negeri ini."

"Sehingga kini ada lokasi penerbangan antarabangsa yang hanya bertahan untuk tempoh setahun sahaja sebelum dihentikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menyerahan Sumbangan Christinе Resort, di Bandar Sri Alam di sini sebanyak RM500,000 kepada Tabung Harapan Malaysia (THM) di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya di sini baru-baru ini.

Sumbangan itu telah disam-




CHRISTINE YAP (kanan) menyerahkan replika cek untuk Tabung Harapan kepada Liow Cai Tung (kiri) sambil disaksikan oleh Hassan Abdul Karim (dua dari kiri) di Pusat Khidmat DUN Johor Jaya, Johor Bahru, baru-baru ini. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

paikan oleh Pengarah Christinе Resort, Christinе Yap kepada Chei Tung yang juga ADUN Johor Jaya.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim.

Terkini, syarikat penerbangan AirAsia Berhad membuat keputusan untuk menghentikan laluan penerbangan terus Johor Bahru-Macau, mulai 1 Ogos depan.

Pada masa ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) mempunyai penerbangan terus ke Bangkok, Ho Chin Min, Guangzhou, Yogyakarta dan beberapa lagi lokasi.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 JUN 2018
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
METRO HARIAN	DEDAH PENJAGAAN KESIHATAN TERKINI	2



METRO HARIAN



ISMAIL bersama Chin merasmikan pelancaran logo baru Hospital Pakar Regency, semalam.

Dedah penjagaan kesihatan terkini

Pasir Gudang: Industri perubatan bukan saja menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penjagaan kesihatan global bertaraf tinggi, malah ia turut mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan.

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) Datuk Ismail Ibrahim berkata, ia secara tidak langsung menyediakan keperluan penduduk tempatan dengan pendedahan komprehensif mengenai penyelidikan penjagaan kesihatan terkini menerusi teknologi canggih.


Katanya, Pelan Pembangunan Komprehensif (CDP) Iskandar Malaysia adalah perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diiktiraf sebagai satu daripada sektor yang menyokong usaha dalam mempercepatkan rantaui ekonomi strategik.

"Malah, ia juga memberi persekitaran hidup holistik kepada komunitinya, sekali gus menjadi sebuah hab serantau ASEAN bagi industri pelancongan perubatan.

"Hospital Pakar Regency seumpamanya membuka jalan untuk menarik lebih ramai pesakit dari luar negara seperti Singapura dan Indonesia, di samping menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan perubatan di Iskandar Malaysia.

"Kita juga mengakui terdapat permintaan yang meningkat dari rakyat Malaysia termasuk di dalam dan luar Iskandar Malaysia," katanya ketika berucap mierasmikan pelancaran logo baru Hospital Pakar Regency di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Hospital Pakar Regency Chin Wei Jia.




PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

29 JUN 2018
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	RM1J SETAHUN	2



HARIAN METRO

H.M. 29/6/2018



ABDUL Rahim (enam dari kanan), Muhammad Razif (enam dari kiri) bersama wakil guru daripada sekolah angkat LPJ pada Majlis Penyampaian Sijil Sekolah Angkat dan Majlis Sambutan Hari Raya LPJ.

Nurul Amanina Suhaini
cnews@hstp.com.my

Pasir Gudang

Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) mengambil lapan sekolah angkat di sekitar kawasan itu sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dalam membangunkan kecerlangan pelajar.

Pengurus Besarnya, Muhammad Razif Ahmad berkata, RM1 juta diperlukan setiap tahun ke arah mencapai usaha memastikan pelajar kawasan itu tidak terlepas peluang mengikuti pembelajaran formal pendidikan mahupun sukan.

Katanya, program dikenali CSR LPJ yang dilaksanakan

RM1j setahun

■ LPJ ambil lapan sekolah angkat penuhi CSR

sejak 2015 itu meliputi lima teras utama iaitu tanggungjawab korporat, sekolah angkat, pemuliharan alam sekitar, pendidikan dan pembangunan sosial.

“LPJ dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang memilih lapan sekolah angkat bagi tahun ini yang dibahagikan mengikut program akademik dan kokurikulum dalam usaha meningkatkan pembelajaran pelajar

FAKTA
CSR LPJ dilaksanakan sejak 2015 meliputi lima teras utama

di sekitar Pasir Gudang.

“LPJ amat peka dan memahami kepentingan pendidikan mereka yang secara

tidak langsung menjadi penyambung untuk memimpin negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kerika berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Se-

kolah Angkat dan Majlis Sambutan Hari Raya LPJ yang disempurnakan Pejabat LPJ yang juga Yang

Dipertua Jumaah Diraja Johor Datuk Abdul Rahim Ramli di sini, semalam.

Muhammad Razif berkata, pelbagai program diadakan bersama sekolah angkat termasuk bantuan persekolahan, bantuan khas sempena musim perayaan, program motivasi serta program kerja-

“LPJ terus komited dalam membangunkan modul pembelajaran komprehensif yang boleh diguna pakai di sekolah angkat di samping meningkatkan mutu serta prestasi pendidikan di Pasir Gudang,” katanya.

